

TERMS AND CONDITIONS FOR DIRECT DEBIT SERVICE / TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN DIRECT DEBIT

By completing the Direct Debit Authorization and accepting these Terms and Conditions the Account Holder authorises the Bank to arrange for funds to be debited from the Account Holder's Account including any relevant transaction fees/charges in using the Direct Debit Service which is not payable by the Corporation.

Dengan melengkapkan Kebenaran Direct Debit dan menerima Terma dan Syarat ini, Pemegang Akaun telah memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menguruskan dana yang akan didebitkan dari Akaun milik Pemegang Akaun termasuk sebarang bayaran/caj transaksi yang berkaitan dengan penggunaan Perkhidmatan Direct Debit yang tidak ditanggung oleh Syarikat.

These Terms and Conditions may be superseded by variations, revisions or changes at any time, giving prior written notice to the Account Holder. Such amendments shall become effective on the date of such notice and the Account Holder's continued usage of the Direct Debit Service shall constitute an acceptance of the said amendments.

Terma dan Syarat ini boleh digantikan dengan sebarang pengubahsuaian, semakan atau perubahan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pemegang Akaun. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa pada tarikh notis tersebut, dan dengan penggunaan berterusan Perkhidmatan Direct Debit, Pemegang Akaun akan dianggap sebagai telah menerima pindaan tersebut.

1. Definitions

1. Definisi

"Account" refers to any one or more accounts (current account, savings account, card account) which the Account Holder opens and maintains with the Bank.

"Akaun" merujuk kepada mana-mana satu atau lebih dari satu akaun (akaun semasa, akaun simpanan, akaun kad) yang dibuka dan diuruskan oleh Pemegang Akaun dengan Bank.

"Account Holder" refers to an individual (single or joint account), sole proprietorship, partnership, company or entity named in the Direct Debit Authorization form who applies for the Direct Debit Service with the Bank.

"Pemegang Akaun" merujuk kepada individu (akaun tunggal atau bersama), pemilik tunggal, perkongsian, syarikat atau entiti yang dinamakan dalam Borang Kebenaran Direct Debit untuk Perkhidmatan Direct Debit dengan Bank.

"Bank" refers to the Account Holder's financial institution which maintains the Account Holder's Account for the purposes of facilitating the Direct Debit collection in accordance with the Account Holder's Payment/Deduction Instruction.

"Bank" merujuk kepada institusi kewangan Pemegang Akaun yang mengendalikan Akaun milik Pemegang Akaun bagi tujuan urusan kutipan Direct Debit berdasarkan Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan dari Pemegang Akaun.

"Corporation" refers to a company, private entity, private corporation, public corporation or government body incorporated and registered in Malaysia that subscribes to the Direct Debit Service.

"Syarikat" merujuk kepada sebuah syarikat, entiti swasta, syarikat swasta, perbadanan awam atau badan kerajaan yang ditubuh dan didaftarkan di Malaysia dan melanggan kepada Perkhidmatan Direct Debit.

"Direct Debit Authorization" refers to the authorization or mandate given by the Account Holder to the Corporation and Bank to initiate the Direct Debit collection directly from the Account Holder's current account, savings account or card account.

"Kebenaran Direct Debit" merujuk kepada kebenaran atau mandat yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada pihak Syarikat dan Bank untuk pengurusan kutipan Direct Debit secara terus dari akaun semasa, akaun simpanan dan/atau akaun kad milik Pemegang Akaun.

"Direct Debit Operator" refers to Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet).

"Pengendali Direct Debit" merujuk kepada *Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet)*.

"Direct Debit Service" refers to the service provided by Direct Debit Operator for the collection of payments directly from the Account Holder's Account in accordance with Payment/Deduction Instruction received from the Corporation.

"Perkhidmatan Direct Debit" merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Pengendali Direct Debit untuk kutipan pembayaran-pembayaran secara terus dari Akaun milik Pemegang Akaun mengikut Arahan Pembayaran/Arahan Pemoangan yang diterima oleh pihak Syarikat.

"Payment/Deduction Instruction" refers to an instruction given by the Corporation to its Bank to arrange for a specified amount of funds to be collected from the Account Holder's Account in accordance with the authorisation provided by Account Holder when subscribing to the Direct Debit Service.

"Arahan Pembayaran/Arahan Pemoangan" merujuk kepada arahan yang diberikan oleh pihak Syarikat kepada pihak Bank bagi menguruskan kutipan sejumlah dana yang tertentu dari Akaun milik Pemegang Akaun berdasarkan kebenaran yang telah diberikan oleh Pemegang Akaun apabila melanggan kepada Perkhidmatan Direct Debit.

"Registered Holder" refers to the name of the person/company who subscribes to a specific service with the Corporation.

"Pemegang Berdaftar" merujuk kepada nama Individu/syarikat yang melanggan kepada perkhidmatan tertentu dengan pihak Syarikat.

"Terms and Conditions" refers to the terms and conditions of the Direct Debit Service between the Account Holder and the Bank as specified in the Direct Debit Authorization form.

"Terma dan Syarat" merujuk kepada terma dan syarat Perkhidmatan Direct Debit antara Pemegang Akaun dengan pihak Bank seperti yang dinyatakan di dalam Borang Kebenaran Direct Debit.

2. Account Holder Declaration

2. Deklarasi Pemegang Akaun

2.1 The Account Holder declares that all information provided in the Direct Debit Authorization form is accurate, true and correct to the best of the Account Holder's knowledge and the Account Holder is aware of the content and the scope of the Direct Debit Service provided.

- 2.1 Pemegang Akaun mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan di dalam Borang Kebenaran Debit Direct adalah tepat, benar dan betul di dalam pengetahuan Pemegang Akaun dan Pemegang Akaun sedar dengan kandungan dan skop Perkhidmatan Direct Debit yang disediakan.**
- 2.2 The Account Holder shall ensure and undertakes that the Direct Debit Authorization form is not provided with fraudulent intent or by any person acting on behalf of the Account Holder.*
- 2.2 Pemegang Akaun hendaklah memastikan dan beraku janji bahawa Borang Kebenaran Direct Debit yang diberikan tidak mengandungi sebarang unsur penipuan atau oleh mana-mana individu yang bertindak bagi pihak Pemegang Akaun.**
- 2.3 The Account Holder has read and understood and agrees to be bound by the Terms and Conditions as specified herein.*
- 2.3 Pemegang Akaun telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.**

3. Account Holder Obligations

3. Kewajipan Pemegang Akaun

3.1 The Account Holder is responsible:

3.1 Pemegang Akaun adalah bertanggungjawab:

- i. to ensure that the name of the Registered Holder stated in the bill corresponds with name in the Corporation's record;*
- i. untuk memastikan bahawa nama Pemegang Berdaftar yang dinyatakan dalam bil adalah bertepatan dengan nama dalam rekod pihak Syarikat;**
- ii. to ensure sufficient funds in its Account for the Bank to act in accordance with the Payment/Deduction Instruction when it is due;*
- ii. untuk memastikan dana yang mencukupi di dalam Akaun untuk membolehkan pihak Bank mengambil tindakan berdasarkan Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan apabila telah tiba masanya;**
- iii. to settle any outstanding amounts directly with the Corporation in the event the Payment/Deduction Instruction could not be affected due to situations including, but not limited to, the Payment/Deduction Instruction exceeds the Account Holder's Account limit amount or frequency;*
- iii. untuk menyelesaikan sebarang jumlah tertunggak terus dengan pihak Syarikat apabila Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan tidak boleh dilaksanakan disebabkan keadaan tertentu termasuk, tetapi tidak terhad kepada, Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan telah melebihi jumlah had atau kekerapan yang dibenarkan oleh Akaun milik Pemegang Akaun;**
- iv. to ensure that the Direct Debit Service is not used for any unlawful activity including but not limited to, online betting and/or gambling activities.*

- iv. untuk memastikan bahawa Perkhidmatan Direct Debit tidak digunakan untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pertaruhan atas talian dan/atau aktiviti perjudian.

3.2 *If the Account Holders Account is overdrawn due to insufficient funds:*

3.2 Jika Akaun Pemegang Akaun dikeluarkan melebihi had disebabkan dana yang tidak mencukupi:

- i. *a fee and/or interest may be charged to the Account Holder's Account by the Bank;*
- i. **sebarang bayaran dan/atau faedah boleh dikenakan kepada Akaun milik Pemegang Akaun dengan pihak Bank;**
- ii. *for future Payment/Deduction Instruction, the Account Holder agrees and authorises the Bank to re-attempt to debit the amount due from the Account Holder's Account on any other date(s) subject to further instruction(s) from the Corporation.*
- ii. **untuk sebarang Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan bagi masa yang akan datang, Pemegang Akaun bersetuju dan membenarkan pihak Bank mencuba kembali untuk mendebitkan amaun yang perlu dibayar dari Akaun milik Pemegang Akaun pada sebarang tarikh lain tertakluk kepada arahan daripada pihak Syarikat.**

4. Banks Obligations

4. Kewajipan Pihak Bank

4.1 *The Bank shall be authorised to collect the Direct Debit payment(s) from the Account Holder's Account upon receiving the Payment/Deduction Instruction from the Corporation.*

4.1 Pihak Bank telah diberi kuasa untuk mengutip sebarang pembayaran Direct Debit dari Akaun milik Pemegang Akaun setelah menerima Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan daripada pihak Syarikat.

4.2 *Where there are available funds in the Account Holder's Account, but the total funds available in the Account is insufficient to pay for all the Payment/Deduction Instruction(s):*

4.2 Apabila terdapat dana di dalam Akaun milik Pemegang Akaun, tetapi jumlah dana yang ada di dalam Akaun tersebut tidak mencukupi untuk membayar semua Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan:

- i. *the Bank may, in its absolute discretion, decide not to proceed with the Payment / Deduction Instruction(s) and the Bank shall be under no obligation to notify or provide any reason to the Account Holder of its intention to do so;*
- i. **pihak Bank boleh, mengikut budi bicara mutlakanya, membuat keputusan untuk tidak meneruskan dengan Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan dan pihak Bank tidak akan mempunyai sebarang kewajipan untuk memaklumkan atau memberikan apa-apa alasan kepada Pemegang Akaun untuk tindakan tersebut;**
- ii. *The Bank may, in its absolute discretion, decide to proceed with the Payment/Deduction Instruction(s) and the Bank shall determine the order of priority of the Payment / Deduction Instruction(s) as the Bank deems fit.*
- ii. **Pihak Bank boleh, mengikut budi bicara mutlakanya, membuat keputusan untuk meneruskan Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan dan pihak Bank akan**

menentukan susunan keutamaan Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank.

5. **Charges**

5. **Caj**

5.1 *The Bank reserves the right to levy a service charge for each successful Direct Debit Service transaction. The Bank also reserves the right to vary such charges from time to time or impose other charges as deemed appropriate in providing the Direct Debit Service upon giving the Account Holder twenty-one (21) calendar day's prior notice. Such variation or the imposition of additional charges shall be displayed at the Bank's premises or the Bank's website.*

5.1 Pihak Bank berhak untuk mengenakan sebarang caj perkhidmatan bagi setiap transaksi Perkhidmatan Direct Debit yang berjaya. Pihak Bank juga berhak untuk mengubah caj tersebut dari semasa ke semasa atau mengenakan sebarang caj lain yang dianggap sesuai dalam menyediakan Perkhidmatan Direct Debit setelah memberi notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Akaun. Apa-apa pengubahsuaian atau pengenaan caj tambahan hendaklah dinyatakan di premis atau laman web pihak Bank.

6. **Liability**

6. **Liabiliti**

6.1 *To the fullest extent permitted by Law, the Bank and the Direct Debit Operator shall not be held responsible or liable to the Account Holder or any third party for any claims, loss, damages, cost and expenses (including without limitation any direct, indirect, consequential, incidental loss or damage) arising out of or resulting from resulting from any negligent and/or fraudulent act and/or wilful default to this term and condition by the Account Holder.*

6.1 Setakat yang dibenarkan oleh Undang-Undang, pihak Bank dan Pengendali Direct Debit tidak akan bertanggungjawab atau bertanggung kepada Pemegang Akaun atau mana-mana pihak ketiga di atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa sama ada secara langsung, tidak langsung, berbangkit, kerugian atau kerosakan sampingan) akibat daripada apa-apa kecuaiian dan/atau perbuatan fraud dan/atau pelanggaran sengaja terhadap terma dan syarat ini oleh Pemegang Akaun.

7. **Indemnity**

7. **Indemniti**

7.1 *The Account Holder hereby agrees to defend, indemnify and hold harmless the Bank and the Direct Debit Operator (including its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents) against all actions, proceedings, claims, damage, cost, expenses, demands and losses howsoever arising out of the wrongful use of the Direct Debit Service including errors or omissions on the Account Holder's part and/or the Corporation.*

7.1 Pemegang Akaun dengan ini bersetuju untuk membela, menanggung dan melindungi pihak Bank dan Pengendali Direct Debit (termasuk syarikat-syarikat bersekutu beserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen) terhadap segala tindakan, prosiding, tuntutan, kerosakan, kos, perbelanjaan, tuntutan dan kerugian yang

timbul akibat penyalahgunaan Perkhidmatan Direct Debit termasuk sebarang kesilapan atau ketinggalan oleh Pemegang Akaun dan/atau pihak Syarikat.

8. Termination

8. Penamatan

8.1 *The Account Holder's subscription to the Direct Debit Service shall remain in full force and terminate on the expiry date as stated in the Account Holder's Direct Debit Authorization form.*

8.1 Langganan Pemegang Akaun untuk Perkhidmatan Direct Debit akan kekal berkuat kuasa dan hanya akan tamat tempoh pada tarikh yang dinyatakan di dalam Borang Kebenaran Direct Debit oleh Pemegang Akaun.

8.2 *The Account Holder may:*

8.2 Pemegang Akaun boleh:

i. terminate its subscription to the Direct Debit Service by giving twenty-one (21) calendar day's prior written notice to the Bank and/or the Corporation which shall include submitting the Direct Debit Authorization form for termination or by any other method as advised and agreed by the Bank and/or the Corporation Notwithstanding the aforesaid, the Account Holder shall be responsible to settle any outstanding amount due to the Corporation prior to termination.

i. menamatkan langganan Perkhidmatan Direct Debit dengan memberi notis bertulis selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada pihak Bank dan/atau Syarikat termasuk mengemukakan Borang Kebenaran Direct Debit bagi proses penamatan atau mana-mana kaedah lain seperti yang dimaklum dan dipersetujui oleh pihak Bank dan/atau Syarikat. Walaubagaimanapun, Pemegang Akaun akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang jumlah tertunggak yang perlu dibayar kepada pihak Syarikat sebelum sebarang penamatan.

ii. stop payment to be initiated under the Payment/Deduction Instruction by giving twenty-one (21) calendar day's written notice to the Bank prior to such Payment/Deduction Instruction being initiated by the Corporation.

ii. sebarang pemberhentian pembayaran di bawah Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan hanya akan dilaksanakan dengan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar notis bertulis kepada pihak Bank sebelum Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan dilaksanakan oleh pihak Syarikat.

8.3 *The Bank may:*

8.3 Pihak Bank boleh:

i. upon being advised by the Corporation, terminate the Account Holder's Direct Debit Authorization either with or without notice. In the event a notice is issued, the Bank will give twenty-one (21) calendar day's prior written notice to the Account Holder.

i. setelah dimaklumkan oleh pihak Syarikat, menamatkan Kebenaran Direct Debit Pemegang Akaun sama ada melalui notis atau tanpa notis. Sekiranya notis

dikeluarkan, Bank akan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar notis bertulis kepada Pemegang Akaun.

- ii. *without notice, terminate the Account Holder's subscription to the Direct Debit Service if the Bank, Corporation, Corporation's bank and/or the Direct Debit Operator, in its absolute discretion finds, suspects or has reason to believe that the Account Holder used the Direct Debit Service for any unlawful activity.*
- ii. **tanpa notis, menamatkan langganan Pemegang Akaun untuk Perkhidmatan Direct Debit jika pihak Bank, Syarikat, bank pihak Syarikat dan/atau Pengendali Direct Debit, mengikut budi bicara mutlaknyanya mendapati, mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Pemegang Akaun telah menggunakan Perkhidmatan Direct Debit untuk sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang.**

8.4 *The Account Holder's Payment/Deduction Instruction will remain effective (in respect of payments made in good faith) notwithstanding the Account Holder's death, bankruptcy, dissolution, winding up or the revocation of the Direct Debit Authorization form by any other means, until actual notice of such event(s) is received by the Bank and/or the Corporation.*

8.4 **Arahan Pembayaran/Arahan Pemetongan oleh Pemegang Akaun akan kekal berkuat kuasa (bagi pembayaran yang dibuat dengan niat yang baik) tanpa mengira jika berlaku kematian pihak Pemegang Akaun, kebangkrapan, pembubaran, penggulungan atau pembatalan Borang Kebenaran Direct Debit dengan apa jua kaedah, sehingga notis sah memaklumkan tentang kejadian-kejadian tersebut diterima oleh pihak Bank dan/atau Syarikat.**

9. **Amendments by the Account Holder or the Bank**

9. **Pindaan oleh Pemegang Akaun atau pihak Bank**

9.1 *The Account Holder may amend the details provided in the Direct Debit Authorization form by submitting a new Direct Debit Authorization form to the Corporation or by any other method as advised by the Corporation. In any event, any amendment in the Direct Debit Authorization form will only take effect on the date of receipt by the Bank.*

9.1 **Pemegang Akaun boleh meminda butiran yang diberikan dalam Borang Kebenaran Direct Debit dengan mengemukakan Borang Kebenaran Direct Debit yang baru kepada pihak Syarikat atau mana-mana kaedah lain seperti yang dimaklumkan oleh pihak Syarikat. Dalam apa jua keadaan, sebarang pindaan kepada Borang Kebenaran Direct Debit hanya akan berkuat kuasa pada tarikh penerimaan oleh pihak Bank.**

10. **Discontinuance of the Direct Debit Service**

10. **Penamatan Perkhidmatan Direct Debit**

10.1 *The Bank and/or the Direct Debit Operator reserves the right at any time, by giving the Account Holder prior notice to discontinue, interrupt, withdraw or suspend the Direct Debit Service in whole or in part without assigning any reason whatsoever. The Bank and/or the Direct Debit Operator shall not be held liable for any loss or damage which may be suffered by the Account Holder or any other party as a result of such action by the Bank and/or the Direct Debit Operator.*

10.1 **Pihak Bank dan/atau Pengendali Direct Debit berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada Pemegang Akaun untuk memberhenti, mengganggu, menarik balik atau**

menggantung Perkhidmatan Direct Debit secara keseluruhan atau sebahagian tanpa perlu menyatakan sebarang sebab. Pihak Bank dan/atau Pengendali Direct Debit tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak lain akibat daripada tindakan tersebut oleh pihak Bank dan/atau Pengendali Direct Debit.

11. Confidentiality

11. Kerahsiaan

11.1 The Account Holder acknowledge and understands that the Bank and/or the Corporation may be required to disclose any information provided in the Direct Debit Authorization form, including the Account Holder's personal data, as part of subscribing to the Direct Debit Service where it is specifically required or permitted by law, and for the purpose related to the performance of these Terms and Conditions. Where disclosure is required, the Bank and/or Corporation will comply with the Personal Data Protection Act 2010 (hereinafter referred to as the "PDPA"). The term 'personal data' shall have the meaning set out in the PDPA.

11.1 Pemegang Akaun mengakui dan memahami bahawa pihak Bank dan/atau Syarikat mungkin dikehendaki untuk mendedahkan sebarang maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Kebenaran Direct Debit, termasuk data peribadi Pemegang Akaun, sebagai sebahagian daripada langganan kepada Perkhidmatan Direct Debit seperti yang dikehendaki atau dibenarkan oleh undang-undang secara khusus, dan bagi tujuan yang berkaitan dengan pelaksanaan Terma dan Syarat ini. Jika pendedahan maklumat diperlukan, pihak Bank dan/atau Syarikat akan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai "PDPA"). Istilah 'Data Peribadi' adalah mempunyai maksud seperti yang dinyatakan dalam PDPA.

11.2 The Account Holder hereby acknowledge and consent that the information provided in the Direct Debit Authorization form will be disclosed or released to its Bank, Corporation, Corporation's bank, and Direct Debit Operator for the purpose of the Direct Debit Service.

11.2 Pemegang Akaun dengan ini mengakui dan memberi kebenaran bahawa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Kebenaran Direct Debit untuk didedah atau dikongsi kepada pihak Bank, Syarikat, bank pihak Syarikat, dan Pengendali Direct Debit bagi tujuan Perkhidmatan Direct Debit.

12. Governing Law

12. Undang-undang

12.1 This Terms and Conditions shall be governed in accordance with the Laws of Malaysia.

12.1 Terma dan Syarat ini akan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia.

13. If there a confined of interpretation in this term & conditions, English version shall prevail.

13. Jika terdapat kekeliruan di dalam tafsiran Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris adalah versi yang mutlak.